

Najib enggan ulas kritikan Nazri

KUALA LUMPUR, 27 Jun – Datuk Seri Najib Razak menyifatkan tindakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz mengkritik Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pendapatnya sendiri.

Timbalan Perdana Menteri bagaimanapun berkata, beliau tidak akan mengulas kritikan yang dibuat oleh Mohamed Nazri itu.

“Semua orang boleh mengeluarkan pendapatnya, saya tidak akan mengulas,”

kata beliau pada sidang akhbar di majlis pelancaran Forum Keselamatan Sedunia di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kritikan pedas Mohamed Nazri semalam terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Mohamed Nazri kesal dengan tindakan Dr. Mahathir yang berterusan mengkritik kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pada satu sidang akhbar mengenai kemungkinan menubuhkan Parti Mahathir di samping UMNO, Najib yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata perkara itu tidak dibincangkan.

Kata beliau, apa yang telah diputuskan oleh Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO baru-baru ini ialah memberi penjelasan terhadap segala tuduhan bukan sahaja kepada Dr. Mahathir tetapi kepada rakyat seluruhnya.

“Kita akan memberi penjelasan de-

ngan cara yang baik bahawa keputusan yang kita buat selama ini adalah tepat demi rakyat,” katanya.

Najib juga berkata, kemasyarakatan pelabur asing tidak terjejas dengan situasi masa kini ekoran tindakan Dr. Mahathir mengkritik kerajaan.

Katanya, kerajaan boleh meyakinkan orang ramai bahawa Malaysia masih stabil dengan suara majoriti serta parti yang memerintah masih kukuh.